

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT  
NAWI [ TUMPAT ]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2019**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan cadangan pindaan undang-undang perburuhan bagi menguatkuasa Garis Panduan Solat Dalam Waktu Kerja.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia telah bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi menyediakan Garis Panduan Solat Dalam Waktu Kerja sebagai panduan kepada majikan bagi memudahkan pelaksanaan penyelarasan komitmen kerja dengan kewajipan pekerja menunaikan solat dan juga keperluan majikan untuk menyediakan tempat solat yang sesuai. Penyelaras garis panduan ini telah mengambil kira peraturan-peraturan yang terdapat dalam Akta dan Enakmen-Enakmen Jenayah Syariah Wilayah/Negeri yang menyatakan kesalahan tidak menunaikan solat jumaat sebagai satu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman denda dan penjara.
2. Garis panduan tersebut hanya terpakai kepada pekerja-pekerja beragama Islam sebagai langkah untuk mewujudkan keharmonian perusahaan serta persekitaran komuniti industri yang majoritinya beragama Islam bahawa terdapatnya keperluan untuk pekerja menunaikan solat dalam waktu-waktu tertentu. Dalam masa yang sama, ia juga boleh dijadikan sebagai rujukan supaya pekerja tidak menyalahgunakan kepercayaan dan pelepasan yang diberikan oleh majikan. Majikan juga digesa untuk memberikan kelonggaran dan menyusun atur waktu bekerja bagi membolehkan pekerja beragama Islam untuk menunaikan solat Jumaat dan selesai solat boleh balik bekerja.
3. Undang-undang perburuhan tidak mengariskan secara spesifik hal-hal berkaitan keagamaan. Walaupun begitu, aduan boleh dikemukakan secara bertulis atau hadir ke Pejabat-Pejabat Tenaga Kerja (PTK) berhampiran sekiranya terdapat larangan menunaikan solat ditempat kerja untuk siasatan dan tindakan lanjut oleh pihak jabatan.